

**SUMBANGAN ORANG CINA DI TANAH MELAYU
KEPADÀ NEGARA CHINA: 1880-1941**

FAIRISA BINTI OTHMAN

**DISERTASIINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT DAN KEPERLUAN PENGAJIAN SARJANA
SASTERA**

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2010

ABSTRAK

Keadaan politik, ekonomi dan sosial di China yang tidak stabil menjadi faktor penolak untuk orang Cina datang ke Tanah Melayu. Walau pun, berada jauh daripada tanah air namun mereka begitu taat kepada keluarga dan negara. Corak kehidupan di Tanah Melayu membolehkan mereka dapat mengekalkan tradisi, kebudayaan dan kepercayaan mereka. Semangat cintakan negara dan tanah air menyebabkan orang Cina di Tanah Melayu memberi sumbangan terutamanya dalam aspek politik, pembangunan ekonomi dan juga sosial kepada Negara China. Sepanjang tempoh 1880 sehingga 1941, menyaksikan perubahan corak pemerintahan China daripada Sistem Monarki (1880-1911) kepada Sistem Republik (1912-1941) apabila gerakan Revolusi 1911 berjaya menggulingkan Dinasti Manchu pada 1911. Tulang belakang di sebalik kejayaan gerakan Revolusi 1911 adalah peranan dan sumbangan daripada orang Cina di seberang laut terutamanya di Tanah Melayu. Namun, sumbangan bukan sahaja diberikan semasa gerakan Revolusi, tetapi sumbangan dan bantuan turut diberikan semasa China di bawah pemerintahan Kerajaan Ch'ing dan selepas penubuhan Republik China. Sumbangan daripada orang Cina mencapai kemuncaknya apabila berlakunya Perang China-Jepun Kedua pada 1937. Orang Cina di Tanah Melayu berebut-rebut untuk kembali ke China untuk memberi khidmat secara sukarela. Selain itu, bantuan kewangan dan sokongan moral turut diberikan daripada orang Cina di Tanah Melayu. Malah, disebabkan sumbangan dan bantuan yang diberikan oleh orang Cina di Tanah Melayu, mereka mendapat layanan yang sangat buruk semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu pada 1942-1945. Ini sekali gus, menyebabkan bantuan dan sumbangan kepada China terhenti.

ISI KANDUNGAN**HALAMAN**

Penghargaan	i
Abstrak	ii
Isi Kandungan	iii-iv
Senarai Jadual	v-vi
Senarai Gambar	vii
Senarai Peta dan Carta	vii
Senarai Kependekan	x

**TAJUK: SUMBANGAN ORANG CINA DI TANAH MELAYU
KEPADА NEGARA CHINA: 1880-1941****BAB PENGENALAN**

Latar belakang Kajian	1-10
Persoalan Kajian	10
Objektif Kajian	10-11
Skop Kajian	11-12
Ulasan Kajian Terdahulu	13-24
Methodologi Kajian	25

BAB SATU: LATAR BELAKANG ORANG CINA DI TANAH MELAYU

Pengenalan	26-28
Sejarah Awal Kedatangan Orang Cina	28-33
Penghijrahan Orang Cina Pada Abad Ke-19 dan Ke-20	33-45
Faktor-Faktor Kedatangan Orang Cina Ke Tanah Melayu	45-51
Sistem Kemasukan Imigran Cina	51-56
Aspek Sosial dan Politik	56-70
Penutup	70-71

**BAB DUA: SUMBANGAN ORANG CINA SEMASA PEMERINTAHAN
KERAJAAN CH'ING: 1880-1911**

Pengenalan	72-73
Dasar Dinasti Ch'ing Terhadap Orang Cina seberang laut	74-77
Perubahan Polisi Kerajaan Ch'ing	78-82
Usaha Kerajaan Ch'ing Menggalakkan Orang Cina di Tanah Melayu Untuk Memberi Sumbangan	83-91
Tindak balas Orang Cina di Tanah Melayu	92-116
Penutup	117-120

BAB TIGA: SOKONGAN KEPADA GERAKAN REFORMIS DAN REVOLUSI AKHIR ABAD KE-19 DAN AWAL ABAD KE-20

Pengenalan	121-122
Gerakan Reformasi di Tanah Melayu	123-127
Sumbangan Kepada Gerakan Reformasi	127-132
Kebangkitan Gerakan Revolusi China di Tanah Melayu	132-142
Sumbangan Kepada Gerakan Revolusi	142-172
Faktor yang Menyebabkan Sumbangan Diberikan Kepada Gerakan Revolusi	173-174
Penutup	175-176

BAB EMPAT: SUMBANGAN KEPADA REPUBLIK CHINA : 1912-1928

Pengenalan	177-178
Republik China Di Bawah Pimpinan Yuan Shih-kai	179-183
Sumbangan yang diberikan kepada Sun Yat-sen dan Kuomintang 1912-1920	183-196
Penyatuan China di bawah Pimpinan Chiang Kai-Shek 1926 -1928	196-200
Sumbangan dalam Aspek Sosial	200-234
Boikot Barang Jepun	235-245
Penutup	246-248

BAB LIMA: SUMBANGAN KEPADA KERAJAAN NASIONALIS CHINA : 1929-1941

Pengenalan	249-250
Peristiwa Mukden 1931	251-262
Perang China-Jepun 1938	262-297
Pembangunan Ekonomi	298-300
Bencana Alam	301-306
Penutup	307

KESIMPULAN	308-317
------------	---------

BIBLIOGRAFI	318-333
-------------	---------

SENARAI JADUAL

BIL	TAJUK	HALAMAN
1.1	Peratusan Orang Cina daripada Keseluruhan Penduduk Singapura Tahun 1821 Sehingga 1871.	34
1.2	Bilangan Orang Cina Dan Kadar Pertumbuhan Di Negeri-negeri Selat, Perak dan Selangor Antara Akhir Abad Ke-19 dan Awal Abad Ke-20.	44
1.3	Kadar Pertumbuhan Orang Cina di Tanah Melayu 1871-1841	45
1.4	Bilangan dan Peratusan Berdasarkan Sebab Utama Emigrasi di Selatan China	46
1.5	Bilangan Imigran Cina Bebas dan Terikat Yang Tiba Di Singapur dan Pulau Pinang Pada 1877 Sehingga 1899	51-52
1.6	Bilangan Orang Cina Mengikut Suku Di Negeri-negeri Selat, Negeri Melayu Bersekutu, Johor dan Kedah Pada Tahun 1931	60
2.1	Pegawai Konsul China di Singapura Pada 1877 sehingga 1911	110-111
2.2	Pegawai Konsul China di Pulau Pinang Pada 1893 sehingga 1911	111
3.1	Gerakan Kebangkitan Revolusi Sebelum Kebangkitan Wuchang 10 Oktober 1911	140-141
3.2	Jumlah Sumbangan Kewangan Kebangkitan Canton 1911 Mengikut Negeri Di Tanah Melayu	147
3.3	Bantuan Kewangan Daripada Orang Cina Seberang Laut kepada Kebangkitan Canton 29 Mac	148
3.4	Sumbangan Daripada Tanah Melayu Kebangkitan Wuchang (11 Oktober 1911 sehingga 12 Februari 1912)	154
3.5	Kelab Bacaan Di Tanah Melayu Pada Tahun 1908 Sehingga 1911	163-164
4.1	Keputusan Keseluruhan Pilihan raya Pertama Republik China 1912	180
4.2	Sumbangan yang diberikan kepada Sun Yat-sen dan Kuomintang 1912-1920	185-186
4.3	Jawatankuasa Induk Kuomintang Singapura Pada Julai 1913	189

4.4	Bantuan kewangan daripada <i>Chinese Revolutionary Party</i> untuk Sun Yat-sen Menentang Yuan Shih-kai 1915 sehingga 1916	203
4.5	Jawatankuasa Tabung Bantuan Shantung	205
4.6	Sumbangan Yang Diterima Daripada Institusi dan Individu Kepada Tabung Bantuan Shantung	210
4.7	Senarai Nama Penderma dan Nilai Sumbangan	212-213
4.8	Sumbangan Tan Kah Kee Kepada Sekolah di China	230
5.1	Jawatankuasa <i>Southeast Asia Federation of China Relief Fund Union</i> (SFCRU) 1938	272
5.2	Sumbangan Daripada Asia Tenggara dan Hong Kong	275
5.4	Sumbangan Daripada Orang Cina di Tanah Melayu Julai 1937 sehingga Oktober 1938	278
5.5	Sumbangan Daripada Orang Cina di Tanah Melayu November 1938 Sehingga Disember 1940	279
5.6	Pembelian Bon Daripada Orang Cina Di Tanah Melayu (Julai 1937-Okttober 1938)	283
5.7	Mekanik dan Pemandu Daripada Tanah Melayu Berkhidmat Di China Pada 1939	288-289

SENARAI GAMBAR

BIL	TAJUK	HALAMAN
1.1	Karikatur amalan buruh Cina mengirim wang oleh kepada keluarga di kampung halaman	58
2.1	Akhbar Lat Pau	106
3.1	Chang Yung-fu, Sun Yat-sen dan Chen Chu-nan	138
3.2	Villa Wan Ching Yuan	138
3.3	Sun Yat-sen Memorial Hall	139
3.4	Ahli-ahli Tung Meng-hui cawangan Singapura	158
3.5	Karikatur akhbar Chong shing Yit Pao	162
3.6	Pementasan teater di ladang kelapa, Pulau Pinang	166
3.7	Poster mengenai ceramah yang disampaikan oleh Sun Yat-sen dan ahli-ahli Kuomintang di Kuala Lumpur	167
3.8	Ilustrasi yang menggambarkan reaksi orang Cina di Tanah Melayu selepas kemenangan gerakan revolusi di China.	170
3.9	Orang Cina di Ipoh berkumpul meraikan kejayaan dan pelantikan Sun Yat-sen sebagai Presiden Republik China di Nanking pada 1912	171
3.10	Anugerah yang diberikan oleh Sun Yat-sen kepada Tey Lay Seng	171
3.11	Pingat emas yang dianugerahkan kepada Teh Lay Seng daripada Sun Yat-sen pada 1917	172
3.12	Anugerah yang diterima oleh Lee Guan Swee	172
4.1	Chu Chih-hsin bergambar bersama ahli-ahli Kuomintang di Ipoh pada 1914	188
4.2	Surat yang dikirimkan oleh Sun Yat Sen kepada Ou Shen, Teh Lay Seng, Li Xio Zhang dan lain-lain memohon bantuan kewangan bagi menentang Yuan Shih-kai	190
4.3	Hebahan Pertunjukan amal di Melaka	208

4.4	Poster yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Tabung Bantuan Shantung cawangan Melaka	209
4.5	Kanak-kanak menjual bunga untuk Tabung Bantuan Shantung	209
4.6	Iklan jualan C.E.Z.M.S oleh Lady Guillemard	222
4.7	Notis yang dikeluarkan oleh <i>China Preservation League</i> mengenai situasi di China	237
4.8	Iklan Produk Buatan orang Cina	243
5.1	Pameran Produk Buatan Orang Cina di Tanah Melayu	260
5.2	Karikatur Ekonomi Kebangsaan (<i>National Economy</i>)	261
5.3	Kumpulan wanita membantu mengutip derma dari pintu ke pintu	267
5.4	Sekumpulan pelajar sekolah mengutip derma untuk tabung bantuan China	268
5.5	Persidangan pertama <i>Southeast Asia Federation of China Relief Fund Union</i> (SFRCU) pada 10 Oktober 1938 bertempat di Chinese High School, Bukit Timah, Singapura.	273
5.6	Tan Kah Kee memberi ucapan semasa persidangan pertama SCFRU	273
5.7	Ahli Jawatankuasa SFRCU	274
5.8	Jalan Burma	287
5.9	Kumpulan pertama mekanik dan pemandu yang dihantar ke China	289
5.10	Sukarelawan yang berkhidmat sebagai pemandu	290
5.11	Mekanik dan pemandu sukarelawan di Kunming	290
5.12	Sukarelawan berkumpul untuk kembali ke Singapura	291
5.13	Sukarelawan bergambar beramai-ramai sebelum kembali ke Singapura pada 26 Oktober 1946	291
5.4	Lee You Mei	293

SENARAI PETA

BIL	TAJUK	HALAMAN
1.1:	Kawasan Teochew, Hakka dan Hokien.	61
1.2:	Kawasan Kantonis	61
2.1:	Landasan Kereta api di China 1898	96

SENARAI GRAF

BIL	TAJUK	HALAMAN
1.1	Peningkatan Jumlah Orang Cina di Singapura 1821-1871	34
5.1	Eksport Jepun ke Tanah Melayu 1936-1941	297

SENARAI CARTA PAI

BIL	TAJUK	HALAMAN
5.1	Peratusan sumbangan mengikut negara	275
5.2	Peratusan pembelian bon mengikut Negara pada Julai n1937 sehingga 1938.	282

SENARAI KEPENDEKAN

CCC	: <i>Chinese Chamber of Commerce</i>
CRP	: <i>Chinese Revolutionary Party (</i>
SCCC	: <i>Singapore Chinese Chamber of Commerce</i>
KMT	: <i>Kuomintang</i>
MOCNSM	: <i>Malayan Overseas Chinese National Salvation Movement</i>
PDA	: <i>Penang Drivers Association</i>
SCRFA	: <i>Singapore China Relief Fund Association</i>
S.C.F.A	: <i>Chinese Football Associations</i>
S.S.C	: <i>Singapore Scocers Club</i>

SINGKATAN MATAWANG

C\$: Dolar China
S\$: Dolar Straits
M\$: Dolar Mexico

PENGENALAN



PENGENALAN

Latar belakang

Kajian ini menganalisis sumbangan orang Cina yang berada di Tanah Melayu kepada Negara China dari tahun 1880 sehingga 1941. Lebih seabad sebelum tempoh ini memperlihatkan Negara China menghadapi pelbagai masalah dalaman dan luaran. Masalah luaran yang dihadapi oleh China bermula sejak abad ke-17 apabila kehadiran kuasa barat di China. Pertembungan budaya Barat dan China terutamanya daripada aspek perdagangan dan diplomasi akhirnya telah membawa ke kancang perperangan iaitu Perang Candu Pertama (1839-1842)¹ dan Perang Candu Kedua (1856-1860).² Selain Barat, Jepun juga berjaya turut serta dalam memperluaskan pengaruhnya di wilayah naungan China ekoran kemenangan Jepun dalam Perang China Jepun (1894-1895).³

Keadaan bertambah buruk apabila China sendiri menghadapi masalah dalaman seperti Kebangkitan Taiping (1850-1864), Kebangkitan Nien (1851-1868), Kebangkitan Orang Islam di Yunnan (1855-1873) dan Kebangkitan Tungan (1862-1878). Faktor utama kebangkitan ini adalah disebabkan kegagalan kerajaan China menangani masalah ekonomi yang semakin merosot.⁴ Pertambahan penduduk yang tidak disertai dengan

¹ J. Y Wong, *Deadly dreams : opium, imperialism, and the Arrow War (1856-1860) in China*, Cambridge University Press, 1995 dan Peter Ward Fay, *The Opium War, 1840-1842 : Barbarians in the Celestial Empire in the Early Part of the nineteenth century and the War by Which They Forced Her Gates Ajar*, University of North Carolina Press, 1975.

² Bonner Smith David, *The second China War, 1856-1860*, London: Navy Records Society, 1954.

³ Kekalahan China pada pihak Jepun menyebabkan China terpaksa menandatangani Perjanjian Shimonoseki pada 17 April 1895. Berdasarkan perjanjian tersebut China terpaksa mengiktiraf kemerdekaan Korea yang merupakan wilayah naungan China. Selain itu, China juga terpaksa menyerahkan Formosa (Taiwan), Pulau Pescadores, Port Arthur dan Danny di Semenanjung Liaotung kepada pihak Jepun. Kemengen yang dicapai oleh Jepun menyebabkan Jepun muncul sebagai negara tunggal dari Asia bersaing dengan Barat. Immanuel C. Y. Hsu, *The Rise Of Modern China*, New York: Oxford University Press, 1995. hlm. 342.

⁴ Suffian Mansor, *Tamadun China*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003, hlm. 172-174 dan Immanuel C. Y. Hsu, *The Rise Of Modern China*, New York: Oxford University Press, 1995, hlm. 221-256

penambahan kawasan pertanian serta bencana alam turut memburukkan lagi keadaan.

Pada tahun 1700 penduduk Cina dianggarkan seramai 150,000,000 orang bertambah menjadi 432,000,000 pada tahun 1850.⁵

Ekoran itu, ramai penduduk China keluar mencari peluang ekonomi yang lebih baik di Asia Tenggara, Eropah, India dan lain-lain. Orang China datang ke Tanah Melayu dengan ramainya pada abad ke-19 terutamanya selepas British mengambil alih Pulau Pinang pada tahun 1786, Singapura pada tahun 1819 dan Melaka 1824 yang kemudiannya dikenali sebagai Negeri-negeri Selat. Polisi perdagangan bebas dan sistem pentadbiran yang dilaksanakan oleh British di Tanah Melayu memberi ruang kepada orang Cina terlibat dalam aktiviti ekonomi sama ada sebagai pengusaha ataupun buruh.⁶ British sedar bahawa pembangunan ekonomi Tanah Melayu memerlukan bekalan buruh yang ramai dan murah serta penglibatan orang Cina dalam pelbagai sektor ekonomi. Bagi mencapai matlamat tersebut, British menggalakkan kemasukan imigran daripada luar terutamanya daripada China.⁷

Sememangnya matlamat utama kedatangan orang China ke Tanah Melayu adalah keperluan ekonomi.⁸ Pada peringkat awal, orang Cina yang datang ke Tanah Melayu terdiri daripada buruh lelaki. Mereka meninggalkan isteri, anak, ibu bapa serta keluarga di kampung halaman. Justeru itu, menjadi tanggungjawab untuk menghantar wang bagi

dan Albert Feuerwerker, *Rebellion In Nineteenth Century China*, Center for Chinese Studies: University of Michigan, 1975, hlm. 47-55.

⁵ Ho Ping-ti, *Studies on the Population of China 1386-1953*, Cambridge, Mass: 1959, hlm. 278.

⁶ Yen Ching-hwang, *The Ethnic Chinese in East and Southeast Asia*, Singapore: Times Academic Press, 2002, hlm. 220-221.

⁷ Trewartha, Glen T, *The Less Develop Realm: A Geography of its Population*. New York: John Wiley & Son, inc, 1972, hlm. 325.

⁸ Micheal R. Godley, *The Mandarin Capitalists From Nanyang: Overseas Chinese Enterprise And The Modernazation of China, 1893-1911*, Cambridge University Press, 1967, hlm. 26 dan Siah U Chin, "Annual Remittances by Chinese Immigrants To Their Families In China", *Journal Of The Indian Archipelago and Eastern Asia*, Vol.1, 1847, hlm. 35-36.

menyara keluarga yang masih berada di China. Ta Chen dalam tulisannya bertajuk

Emigrant Communities In South China: A Study of Overseas Migration and Its Influence on Standard of Living and Social Change menyebut:

When a son abroad earns substantial sums of money and sends them home, the father's attitude toward him is likely to depart somewhat from that customary in China. He will respect the wishes of the absent member of the family as to the ways in which the money is to be spent. He may even, against his own idea as to relative importance, spend money on the repair of the home when he would rather spend it on the purchase of a field, or he may send another child to school even though he does not think much of the value of schooling. He will be afraid that disregard for the absent son's wishes may somehow endanger or lessen the handsome flow of notes and silver, the greater part of which is spent, of course, on purposes that meet not only his own desire but also again the hearty approval of the whole family circle.⁹

Amalan menghantar wang kepada keluarga yang masih berada di China berterusan sehingga tertubuhnya Republik China. Malah bagi orang Cina yang berjaya, amalan menghantar wang bukan sahaja dikirimkan kepada keluarga tetapi mereka juga memberi bantuan dan berbakti kepada kampung halaman. Amalan mengirimkan wang yang dilakukan oleh orang Cina di Tanah Melayu secara tidak langsung mewujudkan hubungan ekonomi di antara orang Cina seberang laut dengan Negara China terutamanya di akhir Dinasti Ch'ing dan berlangsung sehingga Republik China (1911-1949).¹⁰

Terdapat orang Cina di Tanah Melayu yang berjaya membina empayar perniagaan seperti Hoo Ah Kay, Siah Eu Cin, Chang Pi-shih, Chang Yu-nan dan ramai lagi. Mereka ini merupakan orang Cina yang lahir di China dan datang ke Tanah Melayu pada

⁹ Ta Chen, *Emigrant Communities In South China: A Study of Overseas Migration and Its Influence on Standard of Living and Social Change*, New York: The Institute Of Pacific Relations, 1940, hlm. 85.

¹⁰ Yow Cheun Hoe, "Weaking Ties With The Ancestral Homeland In China: The Case Studies of Contemporary Singapore and Malaysian Chinese", *Modern Asian Studies* 39, 3 (2005). United Kingdom: Cambridge University, hlm.569 dan George L.Hicks (ed), *Overseas Chinese Remittances from Southeast Asia 1910-1940*, Singapore: Select Books, 1993 dan Chen Ta, *Emigrant Communities in South China: A study of Overseas Migration and Its Influence on Standards of Living and Social Change*, Shanghai: Kelly and Walsh, 1939, hlm. 68-84.

peringkat awal pendudukan British di Negeri-negeri Selat. Oleh demikian, wujud hubungan yang baik di antara mereka dengan pihak British.¹¹ Kejayaan yang ditonjolkan oleh orang Cina berjaya mempengaruhi Kerajaan Ch'ing untuk mengubah polisinya yang mlarang orang China keluar negara pada 1870. Larangan keluar negara diamalkan sejak Dinasti Ming (1368-1644) dan diteruskan oleh Dinasti Manchu (1644-1911).¹²

Semasa pemerintahan Dinasti Manchu, Maharaja Shun-chih mengumumkan dikri yang mengharamkan dan menghukum kepada orang Cina yang melanggar larangan keluar negeri pada tahun 1656 seperti berikut:

...any traders who go overseas privately and trade or supply the rebels with provisions will be beheaded, and their good confiscated. Properties of the violators will be given to the informants as reward. Local officials who fail to investigate and apprehend the violators will be sacked and punished with heavy penalties, the Pao-chia official who fail to expose the crime will face capital punishment.¹³

Walau bagaimanapun, berdasarkan pengkajian yang dijalankan oleh Victor Purcell¹⁴ dan Wang Gung-wu,¹⁵ mereka berpendapat bahawa orang Cina telah datang ke Melaka sejak abad ke-15 lagi. Sedangkan larangan keluar negeri telah diamalkan oleh China sebelum abad ke-15 lagi. Keadaan ini dapat dikaitkan dengan penempatan orang Cina di Melaka yang akhirnya berasimilasi dengan budaya tempatan dan membentuk masyarakat Cina-Baba yang juga dikenali sebagai *Straits Born*. Ini kerana, menurut Turnbull pada peringkat awal pendudukan British di Singapura pada 1824 terdapat pedagang Cina yang berjaya dan telah lama menetap di Melaka dan datang ke Singapura

¹¹ Turnbull, C.M, *The Straits Settlements 1826-1867*, Singapura: Oxford University Press, 1972, hlm.34.

¹² Wang Gungwu, *China and The Chinese Overseas*, Eastern Universities Press, 2003, hlm. 129-141.

¹³ Yen Ching-hwang, *Studies in Modern Overseas Chinese History*, Singapore: Times Academic Press,1995, hlm. 4.

¹⁴ Victor Purcell, *The Chinese In Malaya*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm. 18-19

¹⁵ Wang Gungwu "The Opening Of Relations Between China And Malacca, 1403-05" in Leo Suryadinta (edt), *Admiral Zheng He and Southeast Asia*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2005, hlm. 25 dan Wang Gung Wu, "The First Three Rulers of Malacca", *JMBRAS*, Vol.41, 2. 1968, hlm 11-26.

untuk terlibat sama dalam ekonomi bebas yang diwujudkan oleh British. Antaranya seperti Chua Chong Long, Tan Tock Seng dan Tan Kim Seng.¹⁶

Pada masa yang sama di China, Dinasti Manchu yang diterajui oleh kerajaan Ch'ing mengalami situasi yang cukup lemah. Selain menghadapi tekanan-tekanan daripada pihak Barat, kerajaan Ch'ing turut menghadapi pemberontakan daripada rakyatnya sendiri yang berusaha untuk menggulingkan kerajaan. Keadaan ini menyebabkan kerajaan Ch'ing cuba untuk mendapatkan sokongan dan bantuan daripada orang China yang berada di seberang laut. Beberapa langkah diambil oleh kerajaan Ch'ing untuk menggalakkan bantuan daripada orang Cina di seberang laut. Langkah pertama adalah menubuhkan Pejabat Konsul di seberang laut. Pegawai konsul yang dilantik bertanggunjawab sebagai wakil kerajaan Ch'ing. Pejabat Konsul yang pertama ditubuhkan pada 1877 di Singapura. Hu Hsuan-tse (dikenali juga sebagai Hoo Ah kay atau Whampoa) telah dilantik menjadi konsul pertama di Singapura.¹⁷

Kerajaan Ch'ing juga mengambil langkah untuk mengubal perlombagaan untuk mengiktiraf orang Cina yang berada di seberang laut sebagai rakyat China. Malah mereka yang lahir di seberang laut juga diiktiraf sebagai rakyat China asalkan bapanya berasal dan lahir di China. Malah, kerajaan Ch'ing turut menawarkan anugerah dan pangkat kepada sesiapa yang memberi sumbangan kepada kerajaan Ch'ing.¹⁸ Tidak dapat dinafikan bahawa, terdapat orang Cina di Tanah Melayu memberikan tindak balas yang positif terhadap usaha yang dilakukan oleh kerajaan Ch'ing terutamanya apabila kerajaan Ch'ing memberi anugerah dan pingat kepada penyumbang. Peluang ini diambil oleh

¹⁶ Turnbull, C.M, *The Straits Settlements 1826-1867*, hlm.34 dan Lee Poh Ping, *Chinese Society in Nineteenth Century Singapore*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1976, hlm. 19-26.

¹⁷ CO 273/91/6639: Appt of Chinese Consular Agent at Singapore.

¹⁸ Yen Ching-Hwang, "Ch'ing Sale of Honours and the Chinese Leadership in Singapore and Malaya (1877-1912), *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol.1, No.2, September 1970, hlm. 20-32.

orang Cina di Tanah Melayu terutamanya di kalangan peniaga dan saudagar kaya untuk meningkat imej dan prestij mereka di kalangan masyarakat sama ada di kalangan komuniti Cina di Tanah Melayu mahupun di kampung halaman.

Selain itu, penganugerahan pangkat dan darjah dapat mengubah mobiliti sosial mereka. Ini kerana, menurut tradisi Cina golongan peniaga merupakan golongan bawahan. Malah, golongan peniaga yang keluar daripada China sering dilabelkan sebagai pengkhianat dan pembelot sejak awal pemerintahan Dinasti Manchu lagi.¹⁹ Ini secara langsung mengubah persepsi masyarakat tempatan dan kerajaan Ch'ing terhadap mereka.

Namun, terdapat juga orang Cina di Tanah Melayu yang masih mengekalkan sentimen anti-Manchu terhadap kerajaan Ch'ing. Sentimen anti-Manchu wujud sejak awal pemerintahan Dinasti Manchu lagi. Sentimen anti-Manchu tercetus apabila Dinasti Manchu yang bukan orang China sebenar berjaya merampas Dinasti Ming pada 1644. Dinasti Manchu dilihat sebagai bangsa asing yang menakluki orang China. Ekoran itu, satu pemberontakan diketuai oleh Cheng Ch'eng-kung (di Barat dikenali sebagai Koxinga) yang mendapat bantuan daripada orang Cina di seberang laut.²⁰ Pemberontakan tersebut turut membawa kepada penguatkuasaan larangan keluar negeri oleh Dinasti Manchu seperti yang dibincangkan sebelum ini. Umumnya, kedudukan geografi di China seolah-olah memisahkan orang Cina berbangsa Han dengan bangsa Manchu. Orang Cina berbangsa Han berasal daripada Selatan China dan bangsa Manchu di sebelah utara. Majoriti orang Cina yang datang ke Tanah Melayu majoritinya berasal daripada wilayah selatan China.²¹

¹⁹ Yen Ching-hwang. *Coolies and Mandarins: China's Protection of Overseas Chinese During Late Ch'ing Period 1851-1911*, hlm. 8

²⁰ Ibid., hlm. 4.

²¹ Victor Purcell, *The Chinese In Malaya*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967, hlm. 1.

N IDRIS UNI Sentimen anti-Manchu menjadi semakin kuat apabila Sun Yat-sen datang ke

Tanah Melayu pada 1906. Kedatangan Sun Yat-sen adalah untuk mendapat sokongan daripada orang Cina di Tanah Melayu terhadap idealogi gerakan revolusi yang dicetuskan oleh beliau sendiri.²² Gerakan revolusi tersebut berteraskan kepada Tiga Prinsip Rakyat atau *San Min Chu I* iaitu nasionalisme, demokrasi dan kebajikan sosial atau penghidupan rakyat.²³ Matlamat utama gerakan ini adalah untuk mengulingkan Dinasti Manchu bagi menyelamatkan China yang berada dalam keadaan lemah. Penubuhan T'ung Meng-hui pada 1905 di Singapura dan diikuti dengan Negeri-negeri Melayu yang lain mendapat sambutan menggalakkan daripada orang Cina di Tanah Melayu. Sentimen anti-Manchu yang menebal di kalangan orang Cina menyebabkan mereka memberi bantuan dan sokongan kepada gerakan revolusi. Orang Cina yang menyokong gerakan revolusi terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat.²⁴ Bantuan yang diberikan sedikit sebanyak menyumbang kepada kemenangan gerakan revolusi di China pada 1911.

Selepas kemenangan revolusi di China, Sun Yat-sen dilantik menjadi Presiden Republik China pada 1 Januari 1912. Namun, beliau gagal untuk mengekalkan jawatannya sebagai presiden ekoran persaingan yang wujud di antara beliau dan Yuan Shi-kai. Pada 12 Februari 1912, Yuan Shih-kai mengambil alih jawatan Presiden daripada

²² Wang Gungwu, "Sun Yat-sen and Singapore", *South Seas Society Journal*, Vol. 15, Pt.2, Singapore, December 1959, hlm. 55-68.

²³ Prinsip "nasionalisme" dikhaskan kepada orang-orang Cina dalam perjuangan membebaskan negeri China dari Kerajaan Manchu. Prinsip kedua iaitu "demokrasi" bertujuan untuk menggantikan pemerintahan Manchu atau pemerintahan monarki kepada corak republik atau demokrasi. Prinsip ketiga bermaksud pemerintahan yang akan mengutamakan kebajikan rakyat. Gottfried-Karl Kindermann, (edt.), *Sun Yat-sen: Founder and Symbol of China's Revolutionary Nation-Building*, East-West-Synthesen, Vol. I, 1982 dan Paul Myron Anthony Linebarger, *The Political Doctrines of Sun Yat-sen: An Exposition of the Sun Min Chi I*, Baltimore: The Johns Hopkins Press, 1937, hlm. 111-126.

²⁴ Yen Ching-hwang, *The Overseas Chinese and the 1911 Revolution: With Special Reference to Singapore and Malaysia*, hlm. 284-286.

Sun Yat-sen.²⁵ Keadaan ini menyebabkan Sun Yat-sen sekali lagi meminta bantuan daripada orang Cina di seberang laut. Sememangnya, Sun Yat-sen mempunyai pengaruh yang kuat di kalangan orang Cina Seberang Laut. Sun Yat-sen menubuhkan Kuomintang (KMT) di Tanah Melayu pada 1912. Cawangan KMT di Tanah Melayu memainkan peranan dalam menyokong usaha Sun Yat-sen untuk menujuhkan Republik China mengikut prinsip yang diperjuangkan oleh golongan revolusi. Selain itu, KMT cawangan Tanah Melayu turut bertanggungjawab untuk mengumpulkan dana dan kewangan untuk membantu Sun Yat-sen menentang Yuan Shi Kai.²⁶

Tempoh 1912 sehingga 1928 memperlihatkan China menghadapi masalah politik dalaman yang kacau bilau. Selepas kematian Yuan Shih-kai pada 1916, hulubalang di setiap wilayah menguasai dan mentadbir wilayah secara bersendirian.²⁷ Keadaan ini menyebabkan KMT yang diketuai oleh Chang Kai-shek melancarkan Ekspedisi Utara untuk menyatukan wilayah-wilayah di China. Usaha penyatuan ini penting untuk mewujudkan negara Republik China. Ekspedisi Utara yang dilancarkan pada 1926, akhirnya berjaya menyatukan wilayah China pada 1928. Akhirnya, pada 1928 Kerajaan Kebangsaan dibentuk oleh KMT di bawah penguasaan Chiang Kai-sek.²⁸ Walaupun, Ekspedisi ke Utara berjaya menguasai hampir keseluruhan wilayah China, namun KMT berhadapan dengan masalah dengan pihak Jepun dan juga Komunis. Masalah di antara KMT dan Jepun mencapai kemuncak apabila tercetus Perang China-Jepun pada 1938.

²⁵ George Moseley, *China: Empire to People's Republic*, London: B.T Batsford Ltd, 1968, him. 22-23.

²⁶ C.F. Yong, *The Kuomintang Movement in British Malaya*, Singapore: Singapore University Press, 1990, him. 23-37.

²⁷ David Bonavia, *China's Warlords*, Hong Kong: Oxford University Press, 1995.

²⁸ Donald A. Jordan, *The Northern Expedition: China's National Revolution of 1926-1928*, Honolulu: University Press of Hawai, 1976.

Keadaan yang bergolak di China amat dirasai oleh orang Cina di Tanah Melayu.

Selain menghadapi masalah pergolakan politik dalam dan luaran, China juga menghadapi masalah bencana alam seperti banjir dan kemarau yang berpanjangan. Penduduk China kehilangan tempat tinggal, pakaian dan terputus bekalan makanan. Fenomena ini turut menyebabkan pertambahan bilangan golongan imigran China di Tanah Melayu. Tanah Melayu dilihat jauh lebih baik daripada di China menjadi tumpuan golongan imigran.

Masalah yang dihadapi oleh China mendapat simpati daripada orang Cina di Tanah Melayu. Tabung-tabung bencana alam dan bantuan ditubuhkan untuk mengumpulkan derma bagi membantu orang China yang kesusahan di negara China. Kedatangan imigran wanita daripada China semakin ramai selepas 1920an menyebabkan ramai orang Cina memilih untuk menetap di Tanah Melayu. Ini disebabkan keadaan di Tanah Melayu yang lebih stabil berbanding keadaan di China. Selain itu, dasar British yang minimum ke atas orang Cina menyebabkan mereka tidak berasa jangkal untuk tinggal di Tanah Melayu. Mereka ini tinggal dalam komuniti mereka sendiri. Malah, mereka turut mengamalkan budaya, kepercayaan, sosial serta mempunyai sistem pendidikan yang tersendiri dan berkiblatkan kepada negara China.

Berdasarkan fenomena dan keadaan yang berlaku di China, penyelidikan ini akan menganalisis sumbangsan yang diberikan oleh orang Cina yang berada di Tanah Melayu berdasarkan era pemerintahan di China bermula 1880 sehingga 1941. Tempoh tersebut melibatkan beberapa era pemerintahan di China iaitu di bawah pemerintahan Kerajaan Ch'ing sehingga kejatuhan Dinasti Manchu yang merangkumi tahun 1880 sehingga 1911,

era pemerintahan seterusnya Republik China iaitu bermula 1912 sehingga 1928 dan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
Republik China di bawah Kerajaan Nasionalis/Kuomintang (KMT) China iaitu 1929 sehingga 1941.

Persoalan Kajian

Berdasarkan kajian literatur yang dijalankan berkaitan dengan sumbangan yang diberikan orang Cina di Tanah Melayu kepada Negara China sekitar tahun 1880 sehingga 1941 persoalan kajian yang timbul ialah berkaitan dengan perbezaan bentuk, tujuan dan faktor yang menyebabkan sumbangan diberikan. Ini kerana, penyelidikan ini memfokuskan sumbangan orang Cina di Tanah Melayu kepada Negara China berdasarkan era pemerintahan yang meliputi dua corak pemerintahan iaitu Sistem Monarki dalam tempoh 1880 sehingga 1911 dan sistem Republik bermula dari 1912 sehingga 1941. Persoalannya, adakah perubahan corak pemerintahan di China mempengaruhi tujuan, bentuk dan faktor orang Cina di Tanah Melayu untuk memberi sumbangan kepada Negara China.

Objektif Kajian

Bagi menjawab persoalan yang dikemukakan, terdapat empat objektif yang ingin dicapai melalui kajian ini. Iaitu:

- i) Menganalisis bentuk dan tujuan serta galakkan yang diberikan oleh Kerajaan Ch'ing kepada orang Cina di Tanah Melayu untuk memberi sumbangan semasa pemerintahan

Kerajaan Ch'ing di China.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

DRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

- N IDRIS ii) Menganalisis sumbangan yang diberikan oleh orang Cina di Tanah Melayu kepada gerakan Reformasi dan Revolusi semasa pemerintahan Kerajaan Ch'ing di China.
- iii) Menganalisis kesinambungan sumbangan orang Cina di Tanah Melayu kepada negara China selepas kejatuhan Dinasti Ch'ing.
- iv) Meneliti dan mengkaji sumbangan orang Cina di Tanah Melayu semasa Republik China di bawah pemerintahan Kerajaan Nasionalis Kuomintang.

SKOP KAJIAN

Kajian ini menumpukan orang Cina yang berada di Tanah Melayu yang merangkumi beberapa buah negeri iaitu Negeri-negeri Selat (Pulau Pinang, Melaka dan Singapura), Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Selangor, Perak, Negeri Sembilan dan Pahang) dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (Kelantan, Terengganu, Perlis dan Johor). Namun begitu, penyelidikan ini bukan bertujuan untuk menganalisis secara terperinci sumbangan orang Cina mengikut setiap negeri tersebut.

Seterusnya, tempoh penyelidikan ini bermula dari tahun 1880 sehingga 1941. Rasionalnya tempoh ini dipilih adalah untuk menganalisis bentuk-bentuk sumbangan yang diberikan oleh orang Cina di Tanah Melayu kepada negara China berdasarkan tiga era pemerintahan yang berbeza iaitu semasa dan kejatuhan Kerajan Ch'ing (1880-1911), Republik China (1912 – 1928) dan Republik China di bawah pemerintahan Kerajaan Nasionalis China (1928-1941).

Seterusnya, penyelidikan ini menumpukan kepada tiga era pemerintahan tersebut

adalah untuk menganalisis tujuan sumbangan yang diberikan. Ini kerana, tempoh tersebut memperlihatkan tempoh peralihan sistem pentadbiran China daripada sistem Monarki kepada sistem Republik. Oleh demikian, Kajian ini akan menganalisis apakah tujuan sumbangan diberikan sama ada bertujuan untuk membantu kerajaan Ch'ing untuk memulihkan China ataupun memberi sumbangan kepada gerakan revolusi untuk menjatuhkan kerajaan Ch'ing. Selain itu, tujuan sumbangan mengikut era pemerintahan mungkin berbeza daripada satu era pemerintahan dengan pemerintahan yang lain. Justeru itu, penyelidikan akan menumpukan tujuan sumbangan diberikan oleh orang China di setiap era pemerintahan. Kajian ini juga memfokuskan kepada faktor-faktor yang menyebabkan orang Cina memberi sumbangan kepada negara China berdasarkan tiga era pemerintahan yang disebutkan tadi.

Selain itu, rasionalnya tempoh 1880 sehingga 1940 menjadi pilihan penyelidikan ini kerana tempoh tersebut memperlihatkan peningkatan jumlah golongan imigran Cina di Tanah Melayu. Mereka terlibat secara aktif dalam aktiviti ekonomi seperti perlombongan dan perladangan. Ini seterusnya membawa kepada munculnya orang Cina yang berjaya. Penyelidikan ini dihadkan sehingga tahun 1941, ekoran berlakunya pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Pendudukan Jepun ini mengakibatkan lumpuhnya kegiatan ekonomi di Tanah Melayu.

Kajian mengenai orang Cina di Tanah Melayu bukan satu kajian yang baru.

Malah, penulisan mengenainya pernah ditulis oleh Pegawai British sebelum merdeka lagi. Antaranya seperti Victor Purchell²⁹ dan J. D Vaughan.³⁰ Namun, penyelidikan mengenai orang Cina di Tanah Melayu merupakan satu tema penyelidikan yang luas. Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, beberapa orang sarjana kemudiannya muncul dengan penyelidikan dan penemuan baru seperti Wang Gung-wu,³¹ Yen Ching-hwang,³² Lee Poh Ping,³³ Wilfred Blythe³⁴ dan ramai lagi. Umumnya, beberapa sub tema dikenalpasti telah dikaji iaitu penyelidikan yang menyentuh sejarah dan pola penghijrahan, identiti, budaya, politik dan sosioekonomi mereka.

Victor Purcell dan Wang Gung-wu misalnya, membincangkan sejarah awal kedatangan orang Cina ke Tanah Melayu dan Asia Tenggara. Victor Purcell menyatakan orang China yang paling awal datang ke Tanah Melayu terdiri daripada sami-sami Budha, manakala golongan pedagang datang agak lewat sedikit. Pada abad ke-14, rekod-rekod China mula menyebut tentang kehadiran sebilangan besar pedagang-pedagang.

²⁹ Victor Purcell, *The Chinese In Malaya*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967.

³⁰ J. D Vaughan berkhidmat sebagai Pegawai Polis di Pulau Pinang pada 1851 sehingga 1856. Beliau kemudiannya berkhidmat sebagai Pembantu Residen di Singapura pada 1861. Lebih 40 tahun beliau berada Negeri-negeri Selat. Sepanjang enam tahun di Pulau Pinang, beliau berhubung rapat dengan komuniti Cina. Beliau menulis artikel bertajuk 'Notes on the Chinese of Pinang', *Journal of the Indian Archipelago*, Jilid V, 1851 dan bukunya bertajuk *The Manners And Customs Of The Chinese Of The Straits Settlements*, , Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1879.

³¹ Wang Gung Wu, *China And The Chinese Overseas*, Singapore: Eastern University Press, 2003.

³² Yen Ching-hwang, *A Social History of the Chinese in Singapore and Malaya 1800-1911*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1986 dan Yen Ching-hwang, *The Overseas Chinese and the 1911 Revolution*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1976.

³³ Lee Poh Ping, *Chinese Society In Nineteenth-Century Singapore*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1978.

³⁴ Wilfred Blythe, *The Impact of Chinese Secret Societies In Malaya: A Historical Study*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1969.